

Najib Lawat Astana, Tingkatkan Kerjasama Malaysia - Kazakhstan
Bernama
Mei 21, 2014
Oleh Ahmad Fuad Yahya

ASTANA (KAZAKHSTAN), 21 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dijadual tiba di sini Khamis untuk lawatan rasmi tiga hari dalam rangka meningkatkan lagi hubungan kerjasama Malaysia-Kazakhstan dalam pelbagai bidang.

Pada lawatan kali ini, yang kedua oleh Perdana Menteri sejak 2011, Najib akan diberi penghormatan menyampaikan ucapan pada sidang pleno Astana Economic Forum (Forum Ekonomi Astana) pada Jumaat, sebagai tetamu khas Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev.

Duta Besar Malaysia ke Kazakhstan Datuk Hidayat Abdul Hamid berkata, pada lawatan ini Perdana Menteri akan diiringi Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh, dan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz serta delegasi pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan Malaysia.

Lawatan atas undangan Presiden Nazarbayev ini, katanya, membuka peluang kepada kedua-dua negara merapatkan hubungan kerjasama di bidang politik, ekonomi, perdagangan dan pelaburan serta bidang-bidang kerjasama lain termasuk pendidikan dan pelancongan.

"Malaysia dilihat oleh Kazakhstan sebagai sebuah negara Islam yang sederhana dan progresif. Seringkali Presiden Kazakhstan menjadikan Malaysia sebagai contoh negara membangun yang stabil dan dapat memajukan rakyatnya," katanya pada sidang media untuk wartawan Malaysia di sini.

Najib akan diberikan sambutan rasmi pada Jumaat petang di Istana Presiden, diikuti pertemuan dengan Nazarbayev dan mesyuarat delegasi bagi membincangkan pelbagai kepentingan bersama serta melihat peluang-peluang masa depan.

Hidayat berkata Kazakhstan, negara kesembilan terbesar dunia, yang terletak di Asia Tengah, kini sedang rancak membangunkan bidang prasarana pengangkutan dalam usaha membina jambatan darat bagi menghubungkan Asia dan Eropah.

Beberapa syarikat Malaysia, katanya, telah bertapak di Kazakhstan dengan nilai pelaburan berjumlah AS\$500 juta termasuk dalam bidang minyak dan gas serta perusahaan kilang simen yang terbesar di Asia Tengah melalui Syarikat Central Asia Cement di Karganda, di Selatan Astana.

Kilang simen berkenaan menghasilkan lebih 1.3 juta tan metrik simen setahun.

Tumpuan Kazakhstan dalam bidang pembinaan infrastruktur telah menarik minat pelabur dari Malaysia untuk merebut peluang, antaranya ialah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan syarikat-syarikat pembinaan Malaysia yang telah melawat negara ini untuk meninjau peluang-peluang.

"Hasilnya ialah dalam lawatan Perdana Menteri pada kali ini, beberapa memorandum persefahaman (MoU) akan ditandatangani antara syarikat-syarikat Malaysia dengan Kazakhstan termasuk dalam bidang pembinaan infrastruktur, industri hiliran petroleum dan dalam bidang pengangkutan.

Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Kazakhstan, kata Hidayat, masih kecil dengan mencatat angka AS\$56 juta pada tahun lepas dan ia pada masa ini memihak kepada Malaysia.

Kazakhstan antara lainnya mengimport barangan elektrik dan elektronik, barangan berasaskan keluli, perabot, minyak sawit dan produk kimia dari Malaysia.

Negara ini mengeksport ke Malaysia barangan termasuk produk besi dan keluli serta produk pertanian.

Malaysia juga semakin menjadi pilihan ramai pelajar dari Kazakhstan untuk melanjutkan pengajian tinggi mereka.

Angka rasmi tahun lepas menunjukkan 1,500 pelajarnya menuntut di Malaysia.

Angka itu boleh menjadi dua kali ganda jika diambilkira mereka yang mengikuti kursus-kursus jangka pendek di Malaysia.

Di bidang pelancongan pula, Malaysia menjadi destinasi percutian yang digemari pelancong Kazakhstan terutamanya ketika negara itu mengalami musim sejuk.

Astana merupakan ibukota kedua paling sejuk di dunia dengan suhu paling rendah dicatat pada musim sejuk boleh mencapai -40 darjah selsius.

Di musim panas suhunya boleh meningkat sehingga lebih 30 darjah selsius.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1040165>